



**HARGAI...** Mohd Fuad menyampaikan sumbangan raya kepada pengguna Terowong Smart, semalam.

## 40,000 pilih terowong Smart

**K**UALA LUMPUR: Lebih 40,000 pengguna jalan raya dijangka memilih Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (Smart) sebagai laluan ke ibu kota bagi membuat persiapan terakhir menyambut Aidilfitri, khususnya Sabtu dan Ahad ini.

Pengurus Besar Syarikat Konsesi Smart, Mohd Fuad Kamal Ariffin, berkata pi-

haknya menjangkakan berlaku pertambahan kenderaan menjelang lima hari sebelum 1 Syawal di kedua-dua arah sama ada ke pusat bandar atau sebaliknya.

Katanya, pertambahan itu bagaimanapun tidak mengakibatkan kesesakan dalam terowong berikutan peningkatan sekadar 30 peratus berbanding kadar biasa men-

capai 40,000 kenderaan sehari terutama waktu puncak.

"Kami percaya jumlah kenderaan memasuki Smart meningkat kepada 30 peratus bermula esok (hari ini)," katanya selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri dan maklumat keselamatan kepada pengguna Terowong Smart di sini, semalam.